

## RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN

Tarikh : 25 Februari 2008  
Masa : 8.00 pagi hingga 10.00pagi  
Kelas : 5 Platinum  
Mata Pelajaran : Bahasa Melayu  
Tajuk : Adat Perkahwinan Melayu  
Objektif

Pada akhir pelajaran, murid dapat :

- i. Membaca dan memahami slaid yang dibaca.
- ii. Menyoal dengan menggunakan pelbagai kata tanya untuk mendapatkan maklumat lanjut.
- iii. Menulis karangan berbentuk prosa yang bertajuk “ Majlis Perkahwinan Masyarakat Malaysia Pada Tahun 2050”

Hasil Pembelajaran:

6.3 Membaca dan mengenal pasti isi utama dan isi sampingan daripada teks.

Aras 1

- i) Membaca dan mengecam isi-isi penting daripada pelbagai bahan bacaan.

1.2 Bertanya dan menjawab tentang sesuatu perkara secara bertatasusila.

Aras 1

- i) Mengemukakan soalan dengan menggunakan kata tanya dan tanpa kata tanya untuk mendapatkan penjelasan lanjut.

8.2 Membina dan menulis ayat tunggal dan ayat majmuk dalam sesuatu penulisan teks tentang sesuatu tajuk.

Aras 3

- i) Menulis cerita berdasarkan sesuatu tajuk dengan menggunakan pelbagai jenis ayat.

Pengisian Kurikulum :

- Ilmu : Budaya, Pendidikan Islam
- Penerapan Nilai: Kerjasama, Sopan-santun, Hormat-menghormati
- Tatabahasa: Kata Tanya
- Kemahiran Berfikir: Menjana idea, menyenarai
- Kajian Masa Depan: 1) Pengumpulan Maklumat – Proses Kilasan Persekutaran  
2) Ramalan dan Analisis – Roda Masa Depan
- Kemahiran Bernilai Tambah :
  - i. Kemahiran Berfikir
  - ii. Teknologi Maklumat dan Komunikasi
  - iii. Kemahiran Belajar Cara Belajar

Pengetahuan Sedia Ada : Murid pernah melihat suasana majlis perkahwinan.

ISI PELAJARAN	AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN	CATATAN
Lirik lagu “Selamat Pengantin Baru” nyanyian Saloma.	<u>Set Induksi (5 minit)</u> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Guru memperdengarkan lagu dari komputer.</li> <li>2. Guru meminta murid menyatakan suasana yang berkaitan dengan lagu tersebut.</li> <li>3. Guru mengaitkan jawapan murid dengan tajuk pelajaran.</li> </ol>	KBT : Budaya Melayu BBB: Komputer.
<u>Kumpulan 1</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Adat akad nikah</li> </ul> <u>Kumpulan 2</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Adat bersanding</li> </ul> <u>Kumpulan 3</u>	<u>Langkah 1(15 minit)</u> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Guru menayangkan slaid power point berkaitan dengan adat perkahwinan orang Melayu.</li> <li>2. Murid membaca perkataan yang terdapat di atas slaid</li> </ol>	Ilmu: Budaya KBT: Kemahiran belajar cara belajar Nilai: bekerjasama

<ul style="list-style-type: none"> <li>• Adat berinai</li> </ul> <p><b>Kumpulan 4</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Peralatan perkahwinan-hantaran, bunga telur,bilik pengantin</li> </ul>	<p>power point.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>3. Guru dan murid berbincang tentang adat perkahwinan orang Melayu berdasarkan slaid tadi.</li> </ol>	<p>BBB: Komputer</p>
<p><u>Bahan 1:</u> Slaid tentang adat akad nikah.</p> <p><u>Bahan 2:</u> Slaid tentang adat bersanding</p> <p><u>Bahan 3:</u> Slaid tentang adat berinai</p> <p><u>Bahan 4:</u> Slaid tentang peralatan perkahwinan.</p> <p><b>Kata Tanya</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Apakah?</li> <li>• Siapakah?</li> <li>• Bilakah?</li> <li>• Bagaimanakah?</li> </ul>	<p><u>Langkah 2 (20 minit)</u></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Guru meminta murid mengelik pautan yang telah disediakan.</li> <li>2. Murid diminta meneliti petikan mengikut kumpulan masing-masing.</li> <li>3. Murid diminta berbincang mengikut kumpulan dan menyatakan isi-isi penting secara lisan.</li> <li>4. Murid-murid disarankan agar menggunakan kata tanya sebagai satu kaedah untuk mendapatkan isi-isi penting.</li> <li>5. Murid-murid akan menyoal antara satu sama lain dengan ahli kumpulan masing-masing.</li> </ol>	<p>KBT: Kemahiran belajar cara belajar.</p> <p>KBT: TMK,</p> <p>Nilai: tekun, kerjasama</p> <p>BBB: komputer, Sambungan internet</p>

<p>2. Bagaimana kah pihak keluarga pengantin menyambut tetamu?</p> <p>1. Di manakah adat pernikahan di jalankan pada masa itu?</p>	<p><u>Langkah 3 (15 minit)</u></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Murid diminta berbincang dalam kumpulan dan meramalkan adat kad perkahwinan orang Melayu pada tahun 2050.</li> <li>2. Murid membuat persembahan dengan menggunakan Power Point melalui hasil perbincangan tersebut.</li> </ol>	Nilai : Kerjasama BBB : Komputer KBT : Kemahiran berfikir.
<p><b>Tajuk karangan</b>  “Adat akad nikah pada tahun 2050”</p>	<p><u>Penutup (5 minit)</u></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Guru meminta murid menyatakan perbezaan akad nikah dulu, kini dan masa depan.</li> <li>2. Berdasarkan maklumat yang telah diperolehi dalam perbincangan, murid diminta menaip karangan dalam Perisian Microsoft Word.</li> <li>3. Guru merumuskan pengajaran dan menghargai penglibatan murid.</li> </ol>	